

# Program pemutihan penjaja

**MASIH** ada harapan untuk penjaja tidak berlesen, juga dikenali sebagai penjaja 'rambo', di Kuala Lumpur memperoleh lesen bagi membolehkan mereka berniaga secara sah dengan mematuhi peraturan ditetapkan.

Pihak penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pun tidak perlu lagi 'mengusik' mereka dan bertindak kerana menjaja secara haram.

Memetik Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, beliau meminta DBKL melaksanakan proses pemutihan di seluruh Kuala Lumpur sebagai sebahagian komponen inisiatif Lestari Niaga yang digerakkan dua tahun lalu.

Melalui proses ini, peniaga tidak berlesen akan diberi lesen.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, usaha pemutihan ini menyerlahkan usaha murni dan bersungguh-sungguh Kerajaan MADANI untuk memberi peluang kepada mereka yang minat berniaga mencari rezeki menurut undang-undang.

Walaupun matlamat pemutihan ialah untuk memberi lesen, bukan semua penjaja 'rambo' akan secara automatik mendapat lesen. Ada kriteria ditetapkan yang perlu dipatuhi oleh pemohon.

Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi menggesa penjaja tidak berlesen gunakan peluang yang diberi oleh kerajaan untuk memohon lesen. Jika tidak, setelah tempoh berakhir pada Ogos, tindakan penguatkuasaan lebih tegas akan diambil. Sedralah terima risiko.